

# Hari Malaysia

## 19 Safar 144H/16 September 2022M

الْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,**

Hari ini kita semua meraikan sambutan Hari Malaysia. Hari Malaysia ialah hari memperingati pembentukan Malaysia apabila persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura disatukan. Menerusi pembentukan Malaysia, pemimpin dan rakyat di ketiga-tiga wilayah Semenanjung, Sabah dan Sarawak bersetuju untuk hidup bersama sebagai sebuah negara yang diwakili oleh pelbagai bangsa yang

membentuk sebuah masyarakat majmuk. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Hujurat ayat 13:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا  
إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

**Yang bermaksud:** “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).”

Dalam sejarah Islam pembentukan masyarakat majmuk bukan perkara asing kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mendirikan negara Islam di Madinah yang merangkumi orang Yahudi dan Kristian sebagai warganegara. Mereka mendapat perlindungan, layanan baik serta hak untuk mengamalkan agama masing-masing dengan aman dan sejahtera.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,**

Kita bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana pembentukan negara Malaysia berjalan secara aman dan harmoni. Maka kita umat Islam samada pemimpin atau rakyat hendaklah menyeru dan

berdakwah dengan bersungguh-sungguh agar seluruh warganegara ini memahami Islam dan mengajak mereka supaya beriman dan memeluk agama Islam kerana ini adalah perintah Allah dan Rasul-Nya.

Kita semua menghargai perjuangan dan sumbangan besar yang dilakukan oleh para pemimpin kita yang terdiri oleh para perjuang kemerdekaan, Raja-raja Melayu, para alim ulama dan pemimpin-pemimpin politik dalam memastikan keamanan negara kita yang dicintai. Semoga Allah Subhanahu wa-Ta'ala mengurniakan ganjaran dan pahala yang besar atas usaha mereka. Oleh itu, marilah kita berdoa agar negara kita dikurniakan keamanan dan kesejahteraan sebagaimana doa Nabi Ibrahim Alaihissalam dalam surah al-Baqarah ayat 126:

رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الشَّمَرَاتِ مَنْ ءَامَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

**Yang bermaksud:** *“Ya Tuhanku jadikanlah negeri Mekkah ini negeri yang aman dan berilah rezeki berupa buah-buahan kepada penduduknya iaitu di antara mereka yang beriman kepada Allah dan hari kemudian.”*

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,**

Marilah kita bersama-sama menyeru kepada semua pihak tidak kira orang Islam atau bukan Islam jangan sama sekali menghina Allah Subhanahu wa-Ta'ala, Nabi Muhammad dan al-Quran. Ingatlah penghinaan seumpama ini tidak dapat diterima oleh umat Islam kerana ini akan mengguris hati mereka dan akan mewujudkan suasana yang tidak harmoni dalam negara kita. Begitu juga, sekali lagi hendaklah kita meningkatkan lagi usaha dakwah supaya seluruh rakyat di negara ini

sentiasa memahami dan menghormati kedudukan Islam sebagai agama persekutuan di negara ini.

Semoga Allah Subhanahu wa-Ta'ala mengurniakan keberkatan, keamanan dan kesejahteraan kepada kita semua.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ

لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ

الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.